

KENYATAAN MEDIA

UNITAR BEKERJASAMA DENGAN PERKESO DALAM MENUBUHKAN PUSAT SATELIT FIZIKAL MYFUTUREJOBS

PETALING JAYA, SELANGOR – **Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR)** dan **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) hari ini bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan menerusi penubuhan **Pusat Satelit Fizikal MYFutureJobs** di kampus induk UNITAR yang terletak di Kelana Jaya, Selangor.

Perjanjian antara kedua-dua organisasi ini akan diperkukuhkan lagi dengan inisiatif lain termasuklah **bantuan penempatan dan carian pekerjaan serta meningkatkan kadar kebolehpasaran** dalam kalangan para pelajar UNITAR dan alumni. Sebagai tambahan, PERKESO turut menyediakan **khidmat konsultasi kerjaya** kepada para pelajar termasuklah khidmat nasihat bagi membantu pelajar untuk mengenal pasti kemahiran dan hala tuju kerjaya berdasarkan sesi interaksi yang telah dirangka rapi.

Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani oleh **Professor Emeritus Tan Sri Dato' Sri Ir. Dr. Sahol Hamid Bin Abu Bakar**, Naib Canselor UNITAR dan **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed**, Ketua Eksekutif PERKESO.

“Kami sangat berbesar hati dengan peluang kerjasama dengan PERKESO untuk menubuhkan Pusat Satelit Fizikal MYFutureJobs yang pertama di Malaysia di kampus induk UNITAR. Dalam situasi sukar ini, kami akan bersama-sama berganding bahu dan tenaga untuk mewujudkan peluang pekerjaan buat para pelajar dan alumni, menyediakan platform untuk pelajar UNITAR menyerlahkan ilmu, kemahiran dan potensi diri yang tiada batas. Kami juga menantikan pelbagai usaha sama lain seperti penganjuran persidangan, seminar, roadshow, ceramah kerjaya dan rencana-rencana lain yang akan memanfaatkan kedua-dua belah pihak,” kata Tan Sri Sahol Hamid.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Azman berkata, “Pusat Satelit Fizikal MYFutureJobs di kampus UNITAR akan membantu memperluaskan capaian PERKESO untuk menawarkan perkhidmatan pekerjaannya kepada golongan graduan baharu di negara ini. Sebelum ini, kita telah melancarkan pusat satelit maya di Pusat Komuniti Desa yang dikhususkan kepada masyarakat luar bandar, namun kita juga ingin mewujudkan lebih banyak pusat satelit fizikal di universiti-universiti bagi mengukuhkan lagi strategi capaian kita. Sehubungan

itu, PERKESO mengharapkan lebih banyak universiti lain tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan PERKESO bagi menubuhkan lebih banyak pusat-pusat satelit fizikal seperti ini.”

Menerusi inisiatif ini juga, UNITAR akan menyediakan **ruang khas di kampus induknya** di Kelana Jaya, Selangor kepada PERKESO, di mana para pelajar dan alumni boleh mengakses ke portal MYFutureJobs. **MYFutureJobs** merupakan sebuah Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang diuruskan oleh PERKESO, salah satu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara terutamanya dalam menyediakan khidmat padanan pekerjaan dan perkhidmatan-perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja seperti penempatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya .

23 OGOS 2021

MENGENAI UNIVERSITI ANTARABANGSA UNITAR

Universiti Antarabangsa UNITAR ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai universiti maya pertama di Asia Tenggara dan antara universiti swasta terawal di negara ini. Ia merupakan institusi pertama di Asia yang diberi penarafan QS 5-Bintang bagi kategori Pembelajaran Dalam Talian. Sejalan dengan Matlamat Pembangunan Lestari oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, UNITAR melalui ekosistem pembelajaran holistik dan inovatif menyediakan tawaran program yang komprehensif untuk semua peringkat sosioekonomi di samping melahirkan warganegara yang bekerjaya dan berkeusahawanan global.

Ia bukan sekadar bertujuan untuk menyediakan laluan pembelajaran untuk para pelajar memperoleh set kemahiran yang relevan, tetapi melalui prinsip C.A.R.E – kaedah pembelajaran Kolaboratif, Adaptif, Reflektif dan Keusahawanan, UNITAR memupuk para pelajarannya mengenai kesedaran sendiri terhadap bakat dan kebolehan mereka, serta menyemai dalam diri mereka keperluan terhadap tanggungjawab sosial di samping membentuk mereka untuk menjadi warganegara yang lebih baik.

Program-program UNITAR ditawarkan di 13 lokasi, termasuk kampus induknya di Kelana Jaya. Ia mempunyai jumlah pendaftaran lebih daripada 5,000 pelajar melalui 40 program *homegrown* yang terdiri daripada peringkat Asasi (Foundation), Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sehingga ke program Sarjana dan Doktor Falsafah (Doctorate). Untuk memenuhi keperluan industri semasa, UNITAR juga menyediakan lebih daripada 50 program pensijilan profesional. Dengan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL), golongan profesional yang bekerjaya boleh menyambung pengajian dengan pilihan untuk mengurangkan tempoh masa program.

UNITAR berasa bangga kerana mempunyai barisan akademik yang komited di pelbagai fakulti dan sekolah. Bahagian akademik ini terdiri daripada Fakulti Perniagaan & Teknologi, Fakulti Pendidikan & Kemanusiaan, Sekolah Seni Kuliner dan Sekolah Seni Media & Reka Bentuk. Sejak penubuhannya, UNITAR telah memulakan kaedah pembelajaran inovatif di mana teknologi telah diaplikasikan secara signifikan, namun ia tidak bertujuan untuk menggantikan hubungan sesama manusia. Ianya diterapkan untuk menawarkan

pendidikan berkualiti yang kompetitif dalam pengajaran konvensional dan pembelajaran secara maya sehingga ke hari ini, memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21.

MENGENAI PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Pertubuhan Keselamatan Sosial telah ditubuhkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800). Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab Bersama menerusi sumber tekumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.

Sejak pandemik melanda negara pada tahun 2020, PERKESO telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif Kerajaan di bawah beberapa Pakej Rangsangan Kerajaan seperti PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIATIN, BELANJAWAN 2021 PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+. PERKESO kini sedang melaksanakan bantuan Kerajaan yang telah ditambahbaik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) menerusi program seperti Program Subsidi Upah (PSU 4.0), PenjanaKerjaya 3.0, KerjayaGig dan SIP Prihatin 2.0.

Hubungi Kami

UNITAR International University

Marc Kevin Natusch

Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam

No. Telefon: +60 11 3976 1673

E-mel: marc.kevin@unitar.my

Laman Web: <https://www.unitar.my>

PERKESO

Izad Hj Raya

Ketua Pegawai Komunikasi

No. Telefon: +60 12 6377 890

E-mel: amyzaddin.raya@perkeso.gov.my

Laman Web: <https://www.perkeso.gov.my>
